



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**  
**KENYATAAN MEDIA**  
**BIL. 18 / 2025**

**PENAFIAN MAKLUMAT PALSU TARIKH-TARIKH PENTING**  
**PRU DUN SABAH KE-17**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin menegaskan bahawa poster yang memaparkan tarikh-tarikh penting Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah ke-17 yang kini tular di media sosial adalah palsu dan tidak benar sama sekali.
2. SPR ingin memaklumkan bahawa sehingga kini, tiada sebarang pengumuman rasmi telah dibuat oleh SPR berkenaan pembubaran DUN Sabah mahupun penetapan tarikh-tarikh penting bagi PRU tersebut.
3. Pihak SPR juga ingin menegaskan bahawa maklumat mengenai pilihan raya termasuk tarikh-tarikh penting seperti tarikh writ pilihan raya, hari penamaan calon dan hari mengundi hanya akan dikeluarkan melalui saluran rasmi SPR iaitu laman portal rasmi SPR, sidang media dan kenyataan media.
4. Penyebaran maklumat palsu seumpama ini merupakan suatu perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.
5. Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap individu yang didapati menyebarkan, berkongsi atau menerbitkan maklumat palsu di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta undang-undang lain yang berkaitan.

6. SPR menyeru orang ramai agar sentiasa berhati-hati dan tidak mudah terpedaya dengan sebarang maklumat yang tidak sahih. Orang ramai dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih hanya daripada saluran rasmi SPR.

Sekian, terima kasih.

**DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

10 September 2025 / 17 Rabiulawal 1447H

# PILIHAN RAYA NEGERI SABAH



**TARIKH PEMBUBARAN DEWAN  
UNDANGAN NEGERI (DUN):**  
19 September 2025



**PENGUMUMAN TARIKH PENTING  
OLEH PEMERINTAH NEGERI SABAH  
(PNS):** 20 September 2025



**HARI PENAMATAN CALON:**  
21 Oktober 2025



**UNDANG-UNDANG:**  
31 Oktober 2025



**HARI MENGUNDI:**  
4 November 2025



**PENGUMUMAN KEPUTUSAN:**  
Malam 4 November 2025